

13 NOV 2001

MAGHRIBI-PERNIAGAAN

M'SIA & MAGHRIBI AKAN KUKUHKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Maghribi Abderrahman Youssoufi percaya Malaysia dan Maghribi akan memberikan dorongan lebih besar kepada kerjasama Selatan-Selatan dan mengembangkan pengaruh negara-negara sedang muncul.

Bercakap di majlis makan tengah hari perniagaan Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia (NCCIM) di sini, hari ini, beliau memuji Malaysia kerana menjadi satu daripada negara Asia yang melaksanakan strategi pembangunan yang pragmatik.

Strategi-strategi ini malahan telah diperiksa dengan teliti oleh institusi antarabangsa bagi mendapatkan model-model yang boleh digunakan untuk diguna pakai di negara-negara lain yang mencari landasan pembangunan yang tepat, katanya.

Bagi Maghribi, Abderrahman berkata ia terletak di persimpangan Eropah dan Afrika dan menawarkan banyak peluang kepada pelabur-pelabur Malaysia dalam Teknologi Maklumat (IT), minyak dan gas, produk makanan terutamanya produk perikanan.

Beliau berkata sejumlah besar pembaharuan dan program yang dilancarkan di negaranya adalah untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang positif bagi penduduk tempatan dan orang asing.

Maghribi, katanya, telah memeterai perjanjian ekonomi dan perdagangan dengan Kesatuan Eropah. Ini akan menyediakan zon perdagangan bebas menjelang tahun 2010 dan membenarkan barangan Maghribi dijual kepada pasaran yang mempunyai lebih 500 juta pengguna.

Naib presiden NCCIM Datuk Syed Amin AlJeffri yang juga bercakap di majlis itu berkata Maghribi masih kekal sebagai pasaran jauh bagi pengeksport dan pengeluaran Malaysia.

Bagaimanapun beliau berkata Maghribi yang terletak di lokasi strategik menawarkan pasaran besar yang berpotensi bagi barangan yang dikeluarkan dari Malaysia.

Syed Amin berkata jumlah perdagangan Malaysia ke Maghribi tahun lalu adalah RM86 juta berbanding RM84.5 juta pada 1999. Ini menyumbang 0.01 peratus daripada perdagangan global Malaysia dan 1.95 peratus daripada jumlah perdagangan dengan Afrika.

Eksport Malaysia ke Maghribi tahun lalu menyumbang kepada RM62.1 juta dan import barangan dan perkhidmatan dari Maghribi bernilai RM23.9 juta.

Eksport utama Malaysia ke Maghribi adalah set televisyen, radio, perabot dan bahagian-bahagian, minyak dan lemak haiwan dan sayur-sayuran.

Pengarah promosi eksport Maghribi (Centre Marocain de Promotion des) Mounir M. Bensaid berkata matlamat lawatan Abderrahman bersama rombongan perdagangan adalah untuk membiasakan diri dengan potensi ekonomi Malaysia dan memberikan perkembangan terkini mengenai kemajuan pembaharuan perdagangan Maghribi kepada pelabur-pelabur Malaysia.

Beliau berkata "kerjasama kukuh" boleh dijalinkan dalam sektor IT, minyak dan gas dan sektor industri makanan (perikanan).

"Kami tahu Malaysia mempunyai kapasiti dalam IT, dalam perisian dan perkakasan. Kepakaran di Malaysia juga boleh disumbang kepada keperluan Maghribi dalam industri minyak dan gas," katanya.

Bagi sektor makanan, beliau berkata Maghribi adalah pengeksport utama ke Afrika dan juga adalah pengeluaran dan pengeksport terbesar dunia sardin dan tuna.

Beliau berkata memorandum persefahaman (MoU) antara CMPE dan Perbadanan

Pembangunan dan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) akan dimeterai semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke Maghribi awal tahun depan.

Mounir berkata CMPE sedang berunding dengan MATRADE untuk membuka pejabat MATRADE di Casablanca, di mana ia boleh meliputi kawasan Afrika dan Mediterranean, katanya.

Sementara itu, ketua setiausaha kehormat NCCIM S. Harith berkata terdapat potensi besar bagi ahli perniagaan Malaysia untuk melabur dalam sektor pelancongan di Maghribi kerana bandar-bandar seperti Casablanca menawarkan potensi besar bagi pelaburan. -- BERNAMA

ER SHY ZK